

04 SEP 1997

MT UMNO ARAH HENTIKAN ACARA KUTIPAN DERMA

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO mengarahkan supaya semua acara kutipan derma dihentikan oleh bahagian-bahagian UMNO serta pergerakan Pemuda dan Wanita.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO berkata, semua perbelanjaan untuk acara parti akan ditanggung oleh Badan-badan Perhubungan UMNO Negeri atau Pejabat.

Majlis Tertinggi parti juga bersetuju untuk mengkaji kemungkinan mengadakan akhbar bulanan UMNO, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Pusat Dagangan Bunia Putra di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu turut bersetuju agar UMNO menderma RM100,000 untuk mangsa kebuluran di Korea Utara. -- BERNAMA

AFY SHO FAZ